

## **Pengajaran dan Pembelajaran Sastera dalam Sukatan Pelajaran Pengajian Cina KDPM**

oleh

**Lee Kim Hong**  
Maktab Perguruan Raja Melewar  
Seremban

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap sastera dalam sukanan pelajaran PC KDPM. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar serta cadangan pelajar terhadap sastera dalam sukanan pelajaran dan persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera yang menarik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan berbentuk kajian kes. Data diperoleh daripada rakaman suara hasil daripada temu bual berstruktur. Data mentah dianalisis dengan menggunakan pendekatan perisian analisis data kualitatif untuk membina kod-kod dan tema-tema tertentu. Subjek kajian adalah terdiri daripada 3 orang pelajar Semester 5 Unit Pengajian Cina. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sastera adalah sesuai untuk diterapkan ke dalam sukanan pelajaran termasuklah budaya hidup dan sastera kanak-kanak. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah-masalah pembelajaran sastera seperti kesulitan teks sastera Bahasa Cina Klasik, kekangan masa, kekurangan motivasi dan pendedahan sastera, kekurangan masa untuk meluahkan perasaan dan pendapat, serta pengajaran dan pembelajaran sastera yang kurang menarik. Pelajar mencadangkan agar pensyarah mempelbagaikan kaedah, teknik dan alat bantu mengajar, serta mengintegrasikan pengajaran dan pembelajaran yang interaktif. Beberapa implikasi kajian dan kajian masa depan juga dibincangkan.*

### **1. Pengenalan**

Pada tahun 1999, Kesusasteraan Cina Klasik diperkenalkan sebagai salah satu subjek bagi aliran sastera di peringkat persijilan terbuka SPM. (PPK, KPM, 1998). Pelajar adalah tidak pernah terdedah kepada sastera, hanya setakat mempelajari teks sastera. Pengkaji berminat dan berasa hairan, adakah pelajar KDPM boleh mengikuti pengajaran dan pembelajaran sastera di maktab perguruan?

Di peringkat KDPM, sastera merupakan salah satu komponen daripada empat komponen iaitu Komponen Fonetik, Komponen Pengetahuan Bahasa dan Komponen Pedagogi. Setiap komponen memainkan peranan penting dalam pembentukan profesionalisme perguruan.

Dalam pemerhatian pengkaji, majoriti pelajar KDPM adalah tanpa pengetahuan sastera. Pelajar mengalami kesukaran untuk mempelajari sastera. Pengkaji mendapati pelajar bersikap pasif dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Pelajar tidak menunjukkan minat dalam mempelajari sastera dan tidak suka membaca karya sastera. Tambahan pula, walaupun pusat sumber tidak terdapat banyak buku sastera, tetapi jarang dikunjungi oleh pelajar. Pelajar hanya mendekatinya apabila membuat rujukan untuk kerja kursus. Jarang terdapatnya pelajar mengambil inisiatif untuk membaca genre sastera, kecuali prosa, cerpen dan novel. Kebanyakan pelajar yang membaca adalah pelajar perempuan, kerana suka genre sastera tema cinta. Ini menarik perhatian pengkaji untuk menyelidik secara mendalam persepsi pelajar terhadap sastera dan masalah-masalah pembelajaran sastera yang dihadapi oleh pelajar.

## 2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap sastera dalam sukanan pelajaran Pengajian Cina KDPM. Di samping itu juga, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar serta pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera yang menarik.

## 3. Kesignifikaman Kajian

Di samping itu, juga diharapkan dapatan kajian ini memberi gambaran sebenar mengenai persepsi pelajar terhadap sastera dalam sukanan pelajaran Pengajian Cina KDPM. Dengan itu, kajian ini dapat memberi petunjuk kepada panel penggubal sukanan pelajaran dan panel penggubal kerja kursus untuk mempertingkatkan minat belajar dan penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran sastera.

Dapatkan kajian ini memberi manfaat kepada pihak BPG untuk memantapkan lagi sukanan pelajaran KDPM dan sukanan pelajaran B.Ed (PC) dalam aspek sastera. Dengan ini, pelajar dapat menghayati dan mengamati sastera yang terdapat dalam sukanan pelajaran dan seterusnya mengaplikasikan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kelak.

Dapatkan kajian ini memberi kesedaran kepada pensyarah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap sastera dan mengenalpasti masalah-masalah pembelajaran sastera yang dihadapi oleh pelajar serta cadangan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera. Ini membantu pensyarah mempertingkatkan profesionalisme perguruan dan seterusnya memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran sastera di kalangan pelajar.

## 4 Tinjauan Literatur

### 4.1 Pengaruh Minat

“Mengapa pelajar tidak minat belajar sastera?” Kelemahan dalam minat dan perasaan fobia terhadap sastera telah menjadi penyumbang utama kepada kemerosotan skor markah dan prestasi sastera. Keadaan ini menimbulkan masalah-masalah susulan seperti pelajar kurang memberi perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran, pasif, tidak membuat kerja rumah dan tiada insentif untuk meningkatkan prestasi diri.

Dweck (1975) dalam kajiannya membuktikan “*student’s attributions of failure to lack of effort (rather than to luck, ability or other variables may alleviate learned helplessness.)*” Pelajar perlu sedar kekurangan usaha pada dirinya supaya dia dapat memperbaiki kelemahan pada dirinya dalam proses pembelajaran.

Safiah (1979) menegaskan minat membaca di kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor pencapaian. Membaca teks sastera memerlukan cabaran-cabaran intelektual yang berbeza. Membaca teks sastera bukan sahaja sekadar menikmati maksud yang tersurat, tetapi juga maksud yang tersirat di mana ia melibatkan penaakulan dan gerak hati. Unsur sastera dalam pendidikan berfungsi untuk memperluaskan pemikiran individu kerana genre sastera yang bermutu tinggi mempunyai makna yang tersirat yang perlu diperhalusi oleh pembaca. Bahan bacaan sastera boleh menanam sikap suka membaca di kalangan pelajar dan membudayakan tabiat membaca dalam masyarakat.

Terdapatnya faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar kurang meminati sastera. Pertama, kurangnya minat membaca di kalangan pelajar menjadi penyumbang utama ke arah fenomena ini. Pelajar hari ini didedahkan kepada sumber-sumber hiburan lain yang lebih menarik berbanding dengan bahan bacaan yang berunsur lebih ringan, padat dan berbentuk hiburan. Kedua, tidak ada galakan daripada ibu bapa kerana mereka beranggapan dengan membaca bahan sastera seperti novel dan cerpen akan mengganggu pencapaian akademik. Ketiga, kurangnya pendedahan tentang sastera dan peluang pekerjaan yang berkaitan. Keempat, harga buku sastera yang tinggi.

Dapatan kajian Kathy (1994) membuktikan bahawa kekurangan buku-buku sastera berbentuk rekreasi di pasaran merupakan faktor kekurangan minat pelajar terhadap sastera. Beliau mencadangkan kelab membaca ditubuhkan agar pelajar boleh digalakkan membaca dengan adanya sedikit cenderahati dan menyeru pihak penerbit atau pengarang menghasilkan buku-buku sastera dalam bentuk rekreasi yang sesuai untuk dibaca oleh pelajar. Kajian Kathy (1994) juga menggunakan teknik baca kuat untuk menggalakkan pelajar membaca dan buku percuma diberikan kepada pelajar yang terlibat. Buku-buku bentuk rekreasi perlu ditambahkan untuk menggalakkan minat membaca di kalangan pelajar. Dalam memupuk minat membaca di kalangan pelajar, seharusnya ada galakan berbentuk motivasi intrinsik atau motivasi ekstrinsik daripada pihak ibu bapa atau guru. Ina Sue (1994) menjalankan kajian ke atas 39 orang murid Gred 3 dengan tujuan memupuk keseronokan membaca di kalangan murid dan murid memilih untuk membaca apabila terdapatnya galakan, pilihan bahan bacaan dan masa untuk membaca. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid membaca dengan penuh minat setelah mendapat galakan daripada ibu bapa dan guru. Murid juga menunjukkan respon yang positif dalam penulisan jurnal.

Mohd Nasir Hassan (2002) menjalankan kajian kes selama empat minggu semasa praktikum dengan menggunakan teknik melagukan puisi. Beliau menggunakan kecerdasan muzikal yang ada pada pelajar dengan melagukan sajak diiringi petikan guitar dan tiupan harmonika serta disesuaikan dengan latar belakang yang membantu proses mengapresiasi sajak. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar Cina yang tidak meminati sastera dan tidak faham sastera mula meminati sastera dan boleh menghafal sajak yang dipelajari apabila dipuisilagukan. Beliau mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar adalah perlu untuk

memupuk minat pelajar dalam mempelajari sastera. Terdapat keserasian antara hasil dapatan beliau dengan pandangan Ronald & Michael (1991) iaitu:

*A student-centred literature class is one which allow more exploration of the literary text by the learners and invites learners to develop their own responses and sensitivities.*

Murphy & Roopchand (2003) menjalankan untuk meninjau hubungan antara motivasi intrinsik terhadap pembelajaran dan harga diri di kalangan pelajar tradisional dan pelajar dewasa. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar perempuan dewasa mempunyai skor motivasi intrinsik dan harga diri yang tinggi. Motivasi intrinsik yang lemah telah menyebabkan pelajar tradisional menghadapi tekanan dalam mencapai prestasi yang baik. Sebaliknya, pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi, dia dapat menangani sebarang tekanan dan mencapai prestasi yang baik. Dapatan kajian ini menyokong pendapat Flink et. Al. (1990) seperti berikut:

*“In relation to autonomy in the learning experience, evidence has shown that pressure on traditional students to maximise their performance is strongly associated with undermining intrinsic interest.*

## 5.2 Pengaruh Ibu Bapa

Cohen (1972) mendapati variabel motivasi ibu bapa mempunyai hubungan signifikan dengan aspirasi pendidikan anak. Sikap anak boleh dikatakan menyerupai sikap ibu bapa, maka peranan ibu bapa amat penting dalam menentukan pembelajaran anak yang berjaya. Pendapat ini seajar dengan pandangan Wilkins (1981) yang menyatakan bahawa:

*“...the attitudes of children are almost always the attitudes of their parents also, so that it could be said that the parents do much to determine the lack of success of their children in learning...” (m.s.53)*

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menggalakkan anak membaca sastera. Sastera yang digunakan sebagai bahan pengajaran dalam pendidikan tidak terlaksana secara sewenang-wenangnya sahaja. Tujuan pelaksanaan pendidikan sastera ialah mendidik pelajar untuk menjadi seorang pembaca tulen, mendidik pelajar untuk memahami dan menghayati unsur serta nilai kebaikan dan hiburan yang dapat diberikan oleh sastera, serta mendidik pelajar untuk terus menjadi pembaca tulen yang setia dan kritis sepanjang hayat. (Hashim, 1989)

Dapatan kajian Johnette (1994) membuktikan peranan ibu bapa adalah penting dalam memupuk minat membaca anak-anak. Sekiranya ibu bapa meluangkan masa membaca bersama-sama dengan anak atau membaca untuk anak, minat membaca anak akan terpupuk secara tidak langsung. Terdapatnya hubungan yang baik dan sokongan daripada ibu bapa boleh meningkatkan minat pelajar dalam pelajaran. (Field, Lang, Yando & Bendell, 1995)

## 5.3 Pengaruh Kaedah Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Pensyarah

Faktor guru dan pengajaran merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Untuk mengubah persepsi pelajar, guru perlu memainkan peranan membentuk minat pelajar serta lebih menumpukan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran kelas. Oleh itu, guru harus sentiasa bersikap proaktif dan mengambil inisiatif untuk berusaha meningkatkan kemahiran dan menghasilkan teknik pengajaran berkesan yang

mampu menarik minat pelajar, dan pada masa yang sama turut memenuhi keperluan sukatan pelajaran.

Menurut Prettyman (1996), daya kreatif guru adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Minat dan kesungguhan yang mendalam pada guru itu membantu mempercepatkan proses penghayatan pelajar. Guru juga tidak seharusnya beranggapan mempelajari sastera merupakan sesuatu perkara yang mudah dan membiarkan pelajar membaca dan faham sendiri. Guru mesti mempunyai keupayaan untuk menarik hati pelajar dengan menyelami peristiwa yang berlaku sehingga pelajar benar-benar dapat merasakan sesuatu peristiwa itu. Bimbingan dan galakan daripada guru kepada pelajar amat penting agar pelajar dapat melibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah. Pendapat ini juga disarankan oleh Mike, yang menyatakan bahawa:

*“...teachers are the decisive element in the classroom. Teachers posses power to make a child's life joyous or miserable. Teachers can be an instrument of inspiration or torture to a child's motivation to learn.”*

Guru seharusnya menggunakan pelbagai teknik untuk memotivasi pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran. Kajian kesan pendekatan mengalami-menghayati terhadap pembelajaran sajak ke atas 51 orang pelajar Tingkatan 6 dijalankan oleh Noriah (1986). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa faktor guru dan pendekatan pengajaran guru amat mempengaruhi pencapaian pelajar dari segi kefahaman, peningkatan minat dan perubahan sikap pelajar terhadap pembelajaran sajak. Guru seharusnya menggunakan pendekatan pengajaran pemasukan pelajar agar pelajar dapat menikmati pembelajaran sajak.

Guru memainkan peranan sebagai “pelajar contoh” di dalam kelas. Pelajar mudah dikawal sekiranya guru pandai memilih aktiviti yang sesuai, menjalankan pengajaran dan pembelajaran dua hala, memahami kehendak individu di dalam kelas dan menjalankan aktiviti pengukuhan berdasarkan kemampuan pelajar. ( Charles, 1985)

Penerapan model pembelajaran “*Role Playing*” digunakan oleh Sadali dalam menjalankan kajian tindakan untuk meninjau pengaruh model ini ke atas 30 orang siswa dengan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa (a) terdapat peningkatan kemampuan guru dalam mencapai objektif pembelajaran, memotivasi pelajar dan membimbing perbincangan; (b) pelajar lebih berani menyatakan pendapat; (c) terdapatnya kesedaran hubungan antara peranan yang dimainkan dengan masalah kehidupan masyarakat yang sebenar dan (d) memudahkan pelajar mengingat kembali tentang konsep, fakta dan teori. Model Main Peranan dicadangkan sebagai salah satu alternatif untuk mengatasi masalah kualiti proses dan hasil pembelajaran.

Patricia & Barbara (1993) mengkaji perspektif guru dalam pengajaran sastera. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa: (i) guru perlu faham dan menilai kepentingan pelajar terhadap pendedahan bentuk karya sastera; (ii) guru sentiasa meminta pelajar faham kriteria spesifik dan teknik-teknik untuk menganalisis sastera; (iii) guru mengutamakan penghayatan estetika karya sastera; (iv) guru mengutamakan penglibatan pelajar dalam aktiviti penulisan kreatif; (v) guru membantu pelajar membentuk kemahiran pembelajaran kolaboratif; dan (vi) guru perlu memilih bahan bacaan sastera yang diminati oleh pelajar. Ini bermakna dari sudut guru, pelajar perlu

menguasai kemahiran menganalisis, kemahiran penghayatan, kemahiran pembelajaran kolaboratif, dan kemahiran membaca genre sastera.

Boza Krakar (2001) menjalankan kajian ke atas pelajar vokasional yang menggunakan bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Sebanyak 40% daripada peruntukan masa ditumpukan ke atas pembelajaran sastera. Tindakan ini sangat sesuai kepada pelajar vokasional dari aspek pemupukan minat dan meningkatkan tahap penguasaan. Dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan sastera amat mempengaruhi minat membaca dan memimpin pelajar ke arah kecemerlangan diri.

Teknik membaca kuat merupakan salah satu teknik yang boleh digunakan oleh pensyarah untuk menggalakkan pelajar membaca sastera. Deborah & Linda (2003) menjalankan kajian ke atas murid Gred 1 dan Gred 4 bertujuan mewujudkan motivasi murid membaca bagi menghayati dan mengamati sastera dengan menggunakan teknik membaca kuat. Mereka mendapati bahawa murid lebih suka memilih aktiviti selain daripada membaca. Murid tidak mempunyai inspirasi untuk membaca buku-buku lain selain daripada buku teks. Kajian dijalankan dengan menggunakan teknik membaca kuat dan program "*Home-School Independent Reading*". Dapatan kajian ini menunjukkan teknik membaca kuat memainkan peranan penting dalam perkembangan kemahiran membaca di kalangan murid. Teknik ini dan program tersebut dicadangkan untuk diaplikasikan di sekolah bagi memupuk minat membaca di kalangan murid.

Wheatley (1992) menunjukkan bahawa pembelajaran aktif dapat mempertingkatkan pemikiran dan tindak balas pelajar. Pelajar seharusnya diberikan peluang untuk membuat refleksi terhadap aktiviti yang dijalankan untuk pembentukan makna daripada pengalaman.

Piramid Pengalaman Pembelajaran oleh Dale (1954), menggalakkan pembelajaran secara konkret kepada pembelajaran secara abstrak. Pelajar dapat berfikir induktif. Ini bertepatan dengan pendapat Glenn, Steward & Simpson (1991) yang menyatakan bahawa pengajaran yang menggunakan bahan yang bermakna. Pensyarah perlu membantu pelajar dalam pembentukan pembelajaran yang bermakna. Ini sejajar dengan Gardner (1986) yang menegaskan bahawa pelajar mempunyai pelbagai kecerdasan yang perlu diperkembangkan oleh guru.

#### 5.4 Penggunaan Alat Bantuan Mengajar (ABM)

Menurut Thomas & Swartout (1963), hanya ABM yang mempunyai komunikatif tinggi yang mampu membantu pelajar memperoleh pengalaman belajar yang berfaedah bagi mengembangkan sikap ilmiah dan sikap social, kemantapan emosi dan daya penghargaan. ABM yang digunakan melibatkan penggunaan deria pelajar seperti pendengaran, penglihatan, sentuhan, rasa dan bau. Dengan penglibatan semua deria, pelajar bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran guru, malah pelajar lebih mudah memahami dan mengingati bahan pelajaran yang disajikan kepadanya. Penggunaan ABM yang melibatkan deria semasa pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. ABM bukan sahaja membantu menghidupkan kelas, malah mempelbagaikan perkembangan kognitif dan afektif pelajar. Pendapat ini sependapat dengan Lester (1956), Bruner (1966), Wilkinson (1971), Charles (1972).

Abdul Ghani (1996) menegaskan faktor bahan memberi kesan dalam meningkatkan minat pelajar untuk terus menguasai sesuatu kemahiran berbahasa dan berinteraksi dengan lebih

berkesan. Oleh itu, guru sastera perlu menggunakan pelbagai bahan media yang sesuai dan menarik supaya boleh menukar suasana pembelajaran yang kaku kepada pembelajaran yang melibatkan pelajar. Aplikasi dan manipulasi genre sastera melalui media elektronik, pengisian komputer, borang grafik dan sebagainya dapat mengekalkan minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera. Guru sastera perlu kreatif dan inovatif serta menguasai kemahiran teknologi maklumat seiring dengan arus perkembangan pendidikan semasa. Kejayaan guru memilih bahan dan media sesuai dengan daptan kajian Nadzeri (1985). Menurut Omardin (1999), sumber dan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru perlu menarik, dapat mengekalkan minat pelajar, mengembangkan minat pelajar terhadap pelajaran dan menjadikan pembelajaran lebih menarik. ABM dapat membentuk daya pemikiran, kreatif dan memperkuuhkan persepsi pelajar.

### 5.5 Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif (*Active Learning / Interactive Learning / Reciprocal Teaching*)

Vygotskian (1978) menegaskan proses interaktif semasa pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar adalah amat penting. Chickering & Gamson (1987) mencadangkan pelajar mesti lebih membuat daripada mendengar dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu membaca, menulis, membincang atau terlibat dalam penyelesaian masalah. Charles & James mendapati pelajar lebih suka strategi yang menggalakkan pembelajaran aktif seperti perbincangan kumpulan, pengajaran berasaskan audio visual, pembelajaran koperatif, perbahasan, drama, main peranan, simulasi dan bimbingan rakan sebaya. Pelajar tidak suka pengajaran dan pembelajaran yang diadakan secara kuliah tradisional. Ruhl, Hughes & Schloss (1987) dalam kajian mencadangkan pengajaran dan pembelajaran guru memasukkan aktiviti pembelajaran yang aktif lagi singkat tanpa mengurangkan isi kandungan. Dengan ini, pelajar dapat belajar lebih daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembelajaran interaktif mula diperkenalkan oleh Brown, Campione, Reeve, Ferrara & Palincsar (1991). Pembelajaran interaktif adalah suatu kaedah yang melibatkan interaksi antara pensyarah dengan pelajar, pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan komputer. Pembelajaran berlaku semasa pelajar dan pensyarah berkongsi idea dan saling memimpin dalam perbincangan. Ia mencabar pelajar untuk membentuk kebolehan untuk membuat pembentangan daptan dan membuat rumusan hasil daptan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Grinder (1991) dalam kajian ke atas pelajar seramai 30 orang, menunjukkan bahawa 22 orang pelajar adalah berkebolehan belajar secara berkesan jika guru membekalkan aktiviti secara visual, pendengaran dan kinestetik. Daptan kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran multisensori amat sesuai dengan kehendak pelajar.

Daptan kajian Computer Technology Research (1993) menunjukkan bahawa proses penggabungan lebih daripada satu modaliti deria dapat meningkatkan ingatan dan pemahaman. Dengan mengambil peranan yang aktif dalam pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan deria untuk mengalami peristiwa baru, pelajar dapat menyelesaikan tugas dan memperoleh pemahaman yang lebih luas dan mendalam. Daptan kajian Schroeder (1993) membuktikan bahawa pelajar lebih suka melibatkan diri secara langsung dan pengalaman konkrit, berbanding dengan pembelajaran teori. Pengajaran dan pembelajaran aktif adalah amat sesuai bagi pelajar pada zaman sekarang.

Sharmini (2001) mengemukakan pengajaran dan pembelajaran sastera amat berguna dalam masyarakat Malaysia kerana dapat membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran bahasa dan menambahkan ilmu pengetahuan. Sastera boleh merentasi kurikulum dan pelajar dapat mempelajari dengan lebih bermakna. Beliau mencadangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu diubahsuai dengan mengintegrasikan teknik atau pendekatan kontemporari yang mesra pelajar.

Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru melemahkan perkembangan potensi pelajar dalam proses pembelajaran. Ini mengakibatkan prestasi pelajar tidak mencapai optimum. Interaksi kuliah kebanyakannya adalah berpusatkan pensyarah. Dapatkan kajian Nuny Sulistiawaty (2004) menunjukkan bahawa teknik pembelajaran yang variatif dan inovatif dapat membangkitkan minat pelajar untuk belajar. Teknik interaktif mensyaratkan adanya proses pembelajaran yang komunikatif, pelajar mempunyai peluang untuk meluahkan perasaan dan pendapat, serta wujudnya integrasi penggunaan ketrampilan berbahasa.

Kajian “Kecenderungan Minat Pelatih MPSS Terhadap Gaya-gaya Pengajaran” dengan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik menunjukkan (a) terdapat dua gaya pengajaran yang diminati iaitu perbincangan kelas yang dibantu oleh pensyarah dan kuliah dengan penglibatan sukarela pelatih; (b) terdapat tiga gaya pengajaran yang tidak diminati iaitu kuliah tanpa penglibatan pelajar, kuliah dengan penglibatan wajib oleh pelajar dan kaedah tunggal iaitu pembentangan dan demonstrasi; (c) pendekatan pembelajaran kooperatif dapat membentuk pembelajaran yang kondusif, menyeronokkan dan meningkatkan prestasi pelajar. Hasil dapatan ini sejajar dengan hasil dapatan Beishline & Holmes (1997) di Emporia State University (ESU) dan Weber State University (WSU). Terdapat persamaan nyata antara kecenderungan pelajar MPSS dengan pelajar ESU dan WSU.

## 6. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian berbentuk kajian kes. Kajian kes memberi peluang kepada pengkaji untuk menyelami pengalaman dan perasaan pelajar secara kes demikian (Guyton & McIntyre, 1978). Ini bersesuaian dengan pendapat Yin (1984) yang menyatakan:

*“A case study is an enquiry which uses multiple sources of evidence. It investigate a contemporary phenomenon within its real life context, when the boundaries between phenomenon and context are not clearly evident. (225)*

Data diperolehi melalui temu bual dengan responden. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden adalah berdasarkan kepada soalan-soalan temu bual yang berstruktur. Kesahan dalaman soalan-soalan temu bual dipelihara dengan cara mengemukakan soalan-soalan tersebut kepada tiga orang pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan dan mempunyai kepakaran dalam sastera Cina. Dalam kajian kualitatif, pengkaji sendiri merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dan membuat analisis (Merriam, 1988). Kesahan kajian ini bergantung sepenuhnya ke atas kemahiran, ketrampilan dan semangat pengkaji semasa menghadapi kerja lapangan.

Sampel kajian terdiri daripada tiga orang pelajar Semester 5 Ambilan Jun 2002 yang beropsyen PC. Subjek kajian terdiri daripada 3 orang pelajar PC Semester 5. Ketiga-tiga responden yang ditemu bual memenuhi kriteria iaitu, pelajar PC KDPM yang telah mempelajari sastera pada empat semester yang lalu dan sedang mempelajari sastera pada Semester 5. Ketiga-tiga responden telah mengenali sejarah perkembangan kesusasteraan Cina dan mempelajari pelbagai teks sastera dalam genre sastera Cina yang berlainan. Semasa temu bual, temu bual dijalankan berpandukan soalan berstruktur dan rakaman suara dibuat untuk ditranskrip. Setelah membuat transkrip, transkrip disemak oleh responden untuk menjamin kesahan maklumat. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian analisis data kualitatif untuk membina tema-tema dan kod-kod tertentu. Rasional menggunakan perisian analisis data kualitatif ialah dapat meningkatkan kebolehpercayaan kualitatif. (Silverman, 2000) Transkrip hasil daripada Temu Bual Berstruktur merupakan bahan utama untuk rujukan. Rakaman suara adalah bahan sokongan yang penting. Pemungutan data secara lisan berunsur interaktif dan mengutamakan ketepatan responden menjawab soalan.

## 7. Dapatan

### 7.1 Persepsi Responden Terhadap Sastera Dalam Sukatan Pelajaran PC

Responden B1, B2 dan B3 menyatakan bahawa sastera adalah **sesuai** diterapkan ke dalam sukatan pelajaran KDPM, terutamanya untuk mengenali dan mengetahui mengetahui teks sastera dan sejarah perkembangan Cina. (B1, 72; B2, 65-67; B3, 58) Responden B1 lebih suka membaca teks sastera yang mempunyai **plot cerita yang jelas** sama ada teks sastera BCK atau BCM, asalkan teks tersebut adalah pendek dan mempunyai plot cerita yang jelas. Responden B1 dan B3 menyatakan bahawa plot cerita yang jelas menarik minatnya membaca teks sastera dan ia memudahkan pemahaman terhadap idea tersurat dan idea tersirat yang terdapat dalam teks sastera. (B1, 34-35, 138-139, 175-178, 184-186; B2, 51-52; B3, 38-39) Sebaliknya, jika teks panjang dan tidak mempunyai plot cerita yang jelas, pelajar adalah tidak tertarik untuk membaca, kerana sukar untuk difahami. (B1, 65-66, 139-141) Responden B1, B2 dan B3 berpendapat **pelbagai tema** dalam teks sastera adalah sesuai dan tema adalah tidak bertindan-tindih. (B1, 71-72, 128-130; B2, 67-68; B3, 70-71) Responden B2 menyatakan tidak suka kepada tema cinta. (B2, 68)

Responden B2 menyatakan bahawa teks sastera BCM adalah terlalu membebangkan kerana bilangan teks yang banyak. Peruntukan masa kuliah 1 jam seminggu sudah mencukupi. Responden B3 berpendapat bilangan teks sastera sudah mencukupi. (B2, 77-79; B3, 75-76) Bagi responden B2, **peruntukan masa kuliah** 1 jam adalah mencukupi. (B2, 77) Manakala responden B1 dan B3 bersepakat masa kuliah tidak mencukupi dan perlu ditambahkan masa untuk pelajar mengemukakan perasaan dan pendapat terhadap teks sastera. (B1, 79-83; B3, 80, 87)

Responden B1 dan B3 bersepakat susunan **kronologi** sukatan pelajaran adalah sesuai kerana memudahkan pembelajaran sastera secara teratur dan sistematik. (B1, 76-77; B3, 59-61) Responden B2 menyatakan susunan menurun dalam sukatan pelajaran adalah lebih baik baginya untuk meneroka sejarah perkembangan Cina. (B2, 97-100) Tetapi B3 pula adalah sukar baginya untuk belajar secara menurun. (B3, 65-69)

## 7.2 Masalah-masalah Pembelajaran Sastera

### 7.2.1 Teks Sastera BCK Dan BCM

Persepsi pelajar terhadap teks sastera BCK dan BCM adalah berlainan. Responden B1, B2 dan B3 sepakat iaitu teks sastera BCK adalah lebih sukar dipelajari jika berbanding dengan teks sastera BCM. Teks sastera BCK menggunakan bahasa kuno iaitu bahasa sastera, semantik dan nahunya sukar dipelajari kerana peralihan makna. (B1, 20-23, 25-27, 29-30; B2, 52-54; B3, 13-20) Teks sastera BCM adalah lebih mudah difahami dan dipelajari kerana ia menggunakan bahasa pertuturan, iaitu bahasa yang digunakan pada zaman sekarang. Tambahan pula, tema teks sastera BCM terdapat keserasian dengan kehidupan masyarakat sekarang. (B1, 25-31, 35-37, 133-135; B2, 24-29; B3, 22-27, 123-128, 209-213)

### 7.2.2 Faktor-faktor Penghalang Dalam Pembelajaran Sastera

#### (i) Kekangan Masa

Responden B1 dan B3 adalah pelajar yang aktif sama ada dalam sukan atau aktiviti maktab. B1 memerlukan masa yang lebih untuk bertanyakan kepada pensyarah atau kawan (B1, 37), masa untuk bersukan, membuat kerja kursus serta terlibat dalam aktiviti maktab. (B1, 52-54; B3, 139-143)

#### (ii) Tanpa Motivasi

Responden B1 menyatakan tidak terdapatnya dorongan daripada ibu bapa dalam mempelajari sastera. Responden B2 pula menyatakan tidak suka membaca sastera. (B1, 45, 46-47; B2, 71)

#### (iii) Tanpa Pesanan Pensyarah

Tanpa pesanan pensyarah, dua orang responden tidak membaca teks sastera. (B1, 51-52; B2, 68-69)

#### (iv) Tanpa Pendedahan Sastera

Responden B1 dan B2 menyatakan tiada pendedahan kepada sastera, termasuk sejarah perkembangan sastera. (B1, 62-63, 112-123; B2, 125-126; B3, 8)

#### (v) Pengajaran Dan Pembelajaran Sastera Yang Kurang Menarik

Responden B1, B2 dan B3 mempunyai keserasian dalam hal mengharamkan penggunaan OHP, kerana bagi mereka, ia adalah pengajaran dan pembelajaran sastera yang tidak menarik dan tidak dapat menarik perhatian pelajar. (B1, 96-98; B2, 88; B3, 188-189)

#### (vi) Tanpa Masa Untuk Meluahkan Perasaan Dan Pendapat

Ketiga-tiga responden menyatakan bahawa perlu adanya masa yang lebih bagi mereka untuk meluahkan perasaan dan pendapat terhadap teks astera. ( B1, 82-83; B2, 16; B3, 81-82)

## 7.3 Cadangan Terhadap Sastera Dalam Pelajaran Serta Persepsi Responden Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Sastera Yang Menarik

### 7.3.1 Cadangan Responden Terhadap Sastera Dalam Sukatan Pelajaran

Cadangan terhadap sukanan pelajaran sastera diteliti dari aspek teks sastera, tema sastera, asal-usul peribahasa dan simpulan bahasa, memperkenalkan budaya hidup, bilangan teks sastera dan peruntukan masa kuliah.

(i) Teks Sastera, Tema Sastera, Bilangan Teks Sastera Dan Peruntukan Masa Kuliah

Responden B2 menyatakan teks sastera BCK dikekalkan dan mengurangkan teks sastera. (B2, 95-96) Responden B1 menyatakan teks sastera yang bertemakan estetika tinggi boleh ditambahkan. (B1, 86) Responden B1 menyatakan bilangan teks sastera perlu ditambahkan ke 15 teks.

Ketiga-tiga responden menyatakan perlu ada masa yang lebih untuk mengemukakan perasaan dan pendapat terhadap teks sastera yang dipelajari. Responden B2 dan B2 menyatakan masa perlu ditambahkan ke 2 jam seminggu manakala 3 jam seminggu bagi responden B1. (B1, 80-84; B2, 102-106; B3, 144-145)

(ii) Memasukkan Budaya Hidup Dan Asal-usul Peribahasa Dan Simpulan Bahasa

Responden B2 mengemukakan cadangan memasukkan asal-usul peribahasa dan simpulan bahasa ke dalam sukanan pelajaran sastera. (B3, 113-118)

(iii) Sastera Kanak-kanak

Responden B1, B2 dan B3 menyatakan sastera kanak-kanak seharusnya diterapkan ke dalam sukanan pelajaran KDPM. (B1, 187-192; B2, 107-112; B3, 49-52)

### 7.3.2 Persepsi Responden Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Sastera Yang Menarik

Pelbagai cadangan keberkesanan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran sastera dikemukakan oleh ketiga-tiga responden. Terdapat keserasian antara ketiga-tiga orang responden ialah pensyarah perlu memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan **kaedah berpusatkan pelajar** dan pengajaran dan pembelajaran yang aktif. (B1, 91-92) Bagi mereka, pensyarah perlu mempelbagaikan **teknik** termasuklah menghubungkaitkan isi kandungan teks sastera dalam BCK dengan zaman sekarang serta mempelbagaikan **alat bantu mengajar** dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. (B1, 92-93) **Bahasa pertuturan** hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. (B1, 95-96) Pengajaran dan pembelajaran yang **aktif**, dengan penggunaan muzik, APD, gambar yang berwarna-warni dan komik, serta hubungkait dengan cerita jenaka yang sesuai adalah amat berkesan dalam mempelajari sastera. Penggunaan power-point akan memberangsangkan pelajar mempelajari sastera. (B1, 145-148; B2, 88-90, 144-151, 162-164, 168-174) **Integrasi** latar belakang teks sastera dalam kehidupan mesyarakat zaman sekarang adalah perlu bagi memudahkan pelajar menyelami perasaan dan pengalaman penulis dengan lebih dekat dan lebih konkret. (B2, 162-164, 168-174) **Penglibatan** pelajar yang aktif adalah perlu terutamanya peluang pelajar untuk meluahkan perasaan dan pengalaman terhadap teks sastera. (B3, 147-152, 193-195, 197-202)

### 7.4 Triangulasi Sesama Teknik

Merujuk kepada Borang Matriks 1 (Lampiran D ): Triangulasi Sesama Teknik, responden B1 mempunyai kesamaan dengan responden B2 dan responden B3. Temu bual struktur digunakan kepada ketiga-tiga responden dan mendapatkan dapatan yang sama.

Dapatkan menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi yang positif terhadap sastera. Kesesuaian sastera dari aspek teks, tema, peruntukan masa kuliah, bilangan teks sastera dan susunan dalam sukan pelajaran tidak boleh dipertikaikan. Masalah-masalah pembelajaran yang paling dihadapi oleh responden ialah pengajaran dan pembelajaran sastera yang kurang menarik. Kaedah pengajaran dan pembelajaran sastera berpusatkan pensyarah merupakan pengajaran dan pembelajaran yang kurang menarik. Persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang menarik dilihat dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran sastera, bahasa yang digunakan, kepelbagai teknik dan penggunaan ABM. Keempat-empat aspek merupakan persepsi responden terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera yang menarik, yang membantu pelajar menguasai sastera.

## 8. Perbincangan

### 8.1 Persepsi pelajar terhadap sastera dalam sukan pelajaran

Dapatkan kajian ini adalah bersesuaian dengan saranan kriteria pemilihan bahan sastera yang sesuai oleh Jeniri (1988). Beliau menyarankan tema, persoalan, bahasa, struktur dan ilustrasi sebagai kriteria pemilihan bahan sastera yang sesuai. Bahan sastera yang dipilih hendaklah memenuhi keperluan psikologi, intelek pelajar dan mempunyai hubungan dengan kehidupan sebenar di dunia pelajar. Ini membolehkan pelajar mempunyai pengalaman yang menyeronokkan dan menghiburkan dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Bahasa yang diambil kira ialah bahasa di dalam lingkungan pemahaman dan pengalaman pelajar. Struktur dan plot bahan sastera mestilah mudah, tidak terlalu kompleks dan mempunyai ketegangan yang dapat menawan dan mengekalkan minat membaca pelajar. Kejayaan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sastera amat bergantung kepada kesesuaian isi pelajaran, bentuk sastera, alat bantu mengajar, perancangan pensyarah, aktiviti yang dijalankan serta penglibatan dan interaksi pelajar.

Dapatkan kajian ini terdapat keserasian dengan cadangan Najendran (2000), yang menyatakan bahawa pemilihan teks sastera yang berkaitan dengan kehidupan pelajar merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian supaya teks sastera membawa makna kepada pelajar. Teks sastera juga harus dapat mencabar pemikiran pelajar. Penggunaan teks sastera yang sesuai amat membantu untuk membina kemahiran dalam pembinaan makna dan ini merupakan aspek yang penting dalam pembelajaran sastera.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa teks sastera BCK dan teks sastera BCM dalam sukan pelajaran PC digunakan atas andaian bahawa teks sastera dapat memberi contoh penggunaan bahasa yang baik serta teks sastera dapat memberi gambaran atau realiti tentang budaya dan masyarakat tempat bahasa yang dipelajari itu wujud. Terdapat keserasian antara unsur setempat dengan unsur yang sarwajagat. Ini membolehkan pelajar cepat dan mudah faham. Terdapat sifat keserasian dari aspek bentuk dan kandungan budaya dalam teks sastera BCK dan BCM. Dapatkan kajian ini adalah bertepatan dengan Md. Salleh Yaapar (2002) yang menggariskan kedua-dua kriteria pemilihan teks sastera.

Teks sastera yang mengandungi struktur bahasa yang mudah, sesuai digunakan oleh pelajar kerana struktur bahasa senang dipelajari dan diingati. Teks sastera menampilkan pelbagai gaya bahasa. Pemilihan teks sastera yang teliti hendaklah dibuat agar sesuai dengan keperluan pelajar. Teks sastera menampilkan sebuah dunia imaginatif dengan latar, peristiwa, watak, imej, suasana dan sebagainya. Pensyarah perlu memastikan bahawa pelajar memasuki konteks teks sastera iaitu

menghayati dunia cereka yang ditampilkan. Untuk menghayati tema pengarang dengan baik, pelajar perlu menggembangkan daya intelektual dan kemahiran bahasa. Pelajar harus dapat mengaitkan unsur-unsur yang konkret dalam teks sastera bagi menjana dan merumus makna serta membulatkan pemahaman terhadap tema pengarang. Pelajar yang mempunyai kebolehan menerawang pada peringkat abstrak biasanya kurang bermasalah untuk berdepan dengan apa-apa sahaja teks sastera sama ada teks sastera BCK atau teks sastera BCM.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa plot cerita yang jelas memudahkan pemahaman terhadap idea tersurat dan idea tersirat. Pelajar adalah lebih tertarik dan suka membaca teks sastera yang mempunyai plot cerita yang jelas kerana ia memudahkan pemahaman. Dapatkan kajian ini sejajar dengan pendapat Jeniri (1988) yang menyatakan bahawa struktur dan plot teks sastera mestilah mudah dan tidak terlalu kompleks yang dapat menawan minat pelajar.

Tema merupakan persoalan utama yang diungkapkan oleh pengarang dalam teks sastera.

Dalam teks sastera BCK dan BCM, terdapatnya pelbagai tema. Ketiga-tiga responden sepakat bahawa tema teks sastera adalah sesuai dan tidak bertindan-tindih (B3, 60-61), kecuali tema cinta bagi responden B2 (68). B2 tidak suka teks sastera yang bertemakan cinta. Tema-tema teks sastera merangkumi kesepadan hidup bermasyarakat, keamanan negara, penjagaan alam sekitar, semangat patriotisme, cinta dan sebagainya. Dapatkan kajian ini sejajar dengan pendapat Jeniri (1988) yang menyatakan bahawa tema-tema yang dipilih hendaklah memenuhi keperluan dan intelek pelajar dan mempunyai hubungan dengan kehidupan sebenar. Ini membolehkan pelajar mengamati dan menghayati teks sastera dengan baik.

Responden B2 dan B3 menyatakan bahawa bilangan teks sastera telah mencukupi. (B2, 77; B3, 91-92) Malah bagi responden B2, bilangan teks sastera Semester 5 terlalu membebankan dengan peruntukan masa kuliah 2 jam seminggu. (B2, 78-79) Ini adalah akibat kelemahan minat dan perasaan fobia responden B2 terhadap sastera. Bagi responden B1, bilangan teks sastera adalah tidak mencukupi. (B1, 86) Dapatkan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Ina Sue (1994). Selepas pendedahan kepada sastera, Responden B1 mulai meminati sastera. Dia menunjukkan respon yang positif dalam membaca teks sastera. Dia menyatakan keinginannya untuk mengenali lebih banyak teks sastera dengan peruntukan masa yang lebih.

Bagi responden B2, peruntukan masa kuliah 1 jam seminggu sudah mencukupi. (B2, 76) Responden B1 dan B3 berpendapat peruntukan masa kuliah adalah tidak mencukupi dan perlu ditambahkan 2 atau 3 jam seminggu. Bagi B1, peruntukan masa kuliah ditambahkan untuk memahami latar belakang penulis, penguasaan kosa kata dan menghayati unsur-unsur keindahan bahasa, nilai serta perasaan dan pendapat terhadap teks sastera. (B1, 80-82) Tetapi, masa kuliah 3 jam seminggu tidak boleh diadakan berturut-turut dan kuliah tidak boleh diadakan pada waktu petang. Bagi B3, masa kuliah perlu ditambahkan kepada 2 jam seminggu tanpa pertambahan dalam bilangan teks sastera dengan tujuan adanya masa bagi pelajar untuk meluahkan perasaan dan pendapat terhadap teks sastera. (B2, 87-89) Kuliah tidak boleh diadakan secara berturut-turut dengan tujuan pelajar mempunyai masa untuk membuat refleksi. Tambahan pula, jika pensyarah menggunakan kaedah berpusatkan pensyarah, pelajar tidak menguasai kesemua pengetahuan dalam masa 2 jam.

Dapatkan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Computer Technology Research (1993) yang menyatakan proses penggabungan lebih daripada satu modaliti deria dapat meningkatkan ingatan

dan pemahaman dalam proses pembelajaran pelajar dan pelajar dapat menguasai lebih daripada 80% pembelajaran daripada penglihatan, pendengaran dan penglibatan.

Susunan sukanan pelajaran sastera adalah secara kronologi, seperti dalam Jadual 1. Responden B1 dan B3 menyatakan pembelajaran sastera secara kronologi adalah sesuai, sistematik dan teratur. (B1, 76-77; B3, 59-61) Susunan kronologi dalam sastera pada hakikatnya membolehkan pelajar mempelajari latar belakang dan sejarah perkembangan Cina secara sistematik dan teratur. (B3, 65-69) Responden B2 pula bersikap adventuris yang suka cabaran. B2 lebih suka mempelajari sastera secara susunan menurun, iaitu bermula dengan teks sastera zaman moden dan MaHua dan berakhir dengan teks sastera Dinasti Sebelum Qin. Bagi B2, susunan menurun sukanan pelajaran sastera membolehkannya mempelajari teks sastera dari yang konkret (BCM) kepada yang abstrak (BCK). (B2, 36-39, 99-100) B2 berasa sukar dalam mempelajari teks sastera BCK kerana ia lebih abstrak, tidak dapat menyelami perasaan dan pengalaman penulis serta tidak faham latar belakang sejarahnya. (B2, 24-26)

## 8.2 Masalah-masalah Pembelajaran Sastera

### 8.2.1 Kesulitan dalam mempelajari teks sastera BCK dan BCM

Responden B1, B2 dan B3 sependapat teks sastera BCK adalah lebih sukar dipelajari jika berbanding dengan teks sastera BCM. (B1, 20-23, 25-27, 29-30; B2, 52-54; B3, 13-20) Teks sastera BCM adalah lebih mudah difahami dan dipelajari kerana teks menggunakan bahasa pertuturan dan terdapatnya keserasian tema dengan kehidupan masyarakat sekarang. Pelajar boleh menyelami perasaan dan pengalaman penulis dengan mudah. (B1, 25-31; B2, 36-38; B3, 212-213) Dapatkan kajian ini bersesuaian dengan pendapat Marohaini Yusoff (1999), yang menyatakan kebolehbacaan teks sastera merupakan satu konsep yang merujuk kepada tahap atau darjah susah senangnya sesuatu bahan untuk dibaca. Bahan yang susah dibaca dikatakan mempunyai tahap kebolehbacaan yang rendah. Terdapat enam kepentingan kebolehbacaan teks sastera termasuklah untuk membuat diagnostik tentang pembacaan murid, bagi mencari kekuatan dan kelemahan bacaan serta untuk membuat perancangan pengajaran bacaan dari segi pemilihan isi, kaedah dan alatan mengajar.

Teks sastera BCK adalah hasil khazanah negara China yang mempaparkan sejarah perkembangan Cina kepada dunia termasuklah pelajar, namun bahasa, nahu dan semantik yang sukar dipelajari dan difahami telah menghalang pembaca daripada mendekatinya. Oleh itu, adalah dicadangkan agar pengarang dan penerbit mentransformasikan teks sastera ke dalam bentuk-bentuk yang mesra membaca.

### 8.2.2 Faktor-faktor Penghalang

Faktor-faktor penghalang adalah “*multifaceted*” (Wigfield & Guthrie, 1997) merangkumi kekangan masa, tiada motivasi, tiada pendedahan sastera dan pengajaran dan pembelajaran sastera yang kurang menarik.

(i) Kekangan Masa Dan Tanpa Pesanan Pensyarah

Masa merupakan faktor penting dalam pembelajaran sastera. Masa juga sangat subjektif bagi pelajar yang berlainan. Jika pelajar tidak dapat menguruskan masa dengan bijak, maka masa boleh terluang begitu sahaja dengan produktiviti yang rendah. Responden B1, B2 dan B3 boleh dikatakan aktif dalam aktiviti peringkat jabatan, maktab dan kebangsaan. Mereka pernah mengambil bahagian dalam persembahan koir pada tahun 2002 dan 2003 serta Kagum Permainan 2003. Mereka masih aktif dalam aktiviti peringkat kebangsaan. Responden B1, B2 dan B3 sependapat terdapatnya faktor kekangan masa dalam mempelajari sastera. (B1, 37, 44-46, 52-54; B2, 29; B3, 139-143) Pengkaji mendapati bahawa masa mereka perlu diuruskan dengan bijak agar dapat keseimbangan antara masa kurikulum dan gerko.

Masa pelajar adalah dipenuhi dengan pelbagai aktiviti maktab sama ada di peringkat maktab atau kebangsaan. Setiap hari, jadual waktu dipenuhi dengan kuliah, gerko dan kerja kursus yang perlu dilengkapkan dalam masa yang terhad. Pelajar memerlukan masa untuk membuat kerja kursus mata pelajaran opsyen, minor dan elektif sama ada dalam bentuk projek atau tafsiran secara kumpulan atau individu. Setiap kerja kursus memerlukan masa untuk mencari bahan rujukan. Setiap kerja kursus memerlukan usaha kegigihan pelajar untuk menyiapkan dengan secepat yang mungkin. Jika tidak, pelajar tidak mempunyai masa untuk pembelajaran kendiri, terutamanya dalam hal mempelajari sastera atas inisiatif sendiri. (B1, 51-52; B2, 68-69) Ini bermakna, tanpa pesanan pensyarah, pelajar tidak membaca teks sastera. Pelajar hanya membaca atas arahan pensyarah kerana takut tidak dapat menjawab apabila dipersoalkan oleh pensyarah dan tidak faham pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah semasa pengajaran dan pembelajaran sastera.

(ii) Tanpa Motivasi Dan Pendedahan Sastera

Responden B1 menyatakan bahawa tidak terdapatnya dorongan daripada ibu bapa dalam mempelajari sastera. (B1, 45-47) Responden B2 menyatakan bahawa dia tidak suka membaca sastera. (B2, 71) Responden B3 menyatakan dia mendapat motivasi intrinsik daripada bapanya yang membeli buku-buku sastera dan memperkenalkan buku-buku sastera kepadanya pada zaman persekolahan. (B3, 39-42) Ketiga-tiga responden tidak pernah terdedah kepada sastera, kecuali teks sastera yang terdapat dalam buku teks pada zaman persekolahan. (B1, 8; B2, 7; B3, 7) Mereka mempelajari teks sastera secara tidak langsung dan jarang terdedah kepada latar belakang dan sejarah perkembangan Cina. (B1, 62; B2, 26; B3, 93)

Pengkaji mendapati bahawa responden B1 dan B3 adalah seorang pelajar yang mempunyai usaha inisiatif untuk membaca karya sastera. Responden B1 membeli buku-buku sastera selepas terdapat pendedahan sastera (50-51) dan pernah membaca puisi atas inisiatif sendiri dan pengaruh kawannya. (68-70) Motivasi intrinsik pada B3 adalah tinggi dan boleh dikatakan sebagai minat, kerana dia tahu kepentingan dan peranan sastera dalam kehidupannya. Responden B3 dipengaruhi oleh bapanya dalam memupuk minat membaca bahan sastera dan bacaannya meliputi genre sastera kecuali puisi yang tidak disukainya. Kata B3, dia perlu memiliki keupayaan untuk menginterpretasi idea tersurat dan idea tersirat dalam puisi terlebih dahulu sebelum dia membaca puisi. (44-48, 94-95) Dorongan daripada ibu bapa dan minat yang ada

pada pelajar itu sendiri akan membolehkan pelajar mengamati dan menghayati sastera pada bila-bila masa.

Di antara tiga orang responden, B3 adalah pelajar yang paling matang. Dia telah dipilih menjadi penyelaras Minggu Pendaftaran dan Orientasi Pelajar Ambilan B.Ed.. Kematangan pada B3 menarik perhatian pensyarah untuk didelegasikan tanggungjawab. Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Murphy & Roopchand (2003) yang membuktikan bahawa pelajar perempuan dewasa mempunyai skor motivasi intrinsik dan harga diri yang tinggi. Ini bermakna pelajar dewasa mempunyai motivasi intrinsik yang kuat untuk menangani sebarang tekanan dalam proses pembelajaran. Motivasi intrinsik ini lebih dikenali sebagai minat. (Mok Soon Sang, 2002) Minat sebenarnya ialah motivasi yang lebih bertumpu dan objek yang ditumpukan adalah lebih nyata.

Responden B2 yang menyatakan dia tidak suka membaca sastera pada keseluruhannya (58-59). B2 membaca sastera hanya untuk tujuan peperiksaan dan terpaksa mempelajari sastera, kerana ia telah diterapkan sebagai salah satu komponen dalam sukanan pelajaran. Sastera dalam sukanan pelajaran merupakan satu-satunya saluran bagi B2 untuk mengenali dan mengetahui teks sastera dan sejarah perkembangan Cina. B2 hanya menyerah diri kepada pensyarah yang cuba menarik perhatiannya dalam pengajaran dan pembelajaran sastera.(B2, 29-31) Motivasi intrinsik yang lemah telah menyebabkan responden B2 mengakibatkannya menghadapi tekanan dalam pembelajaran sastera. B2 merupakan pelajar yang bermotivasi ekstrinsik. Dia memerlukan insentif daripada pensyarah atau rakan dalam mempelajari sastera. Dia tidak membeli buku sastera atas inisiatif sendiri (B2, 56) malah masih tidak dapat memupuk minat terhadap sastera selepas mempelajari sastera selama empat semester.

### (iii) Tiada Masa Untuk Meluahkan Perasaan Dan Pendapat

Pensyarah menghadapi kekangan masa untuk menghabiskan sukanan pelajaran kerana pensyarah perlu menceritakan latar belakang dan sejarah perkembangan Cina bagi setiap teks sastera. Implikasi kajian ini selaras dengan pendapat Broadfoot (1986) yang menunjukkan bahawa guru memberi fokus pendidikan yang terhad iaitu kepentingan kepada peperiksaan kerana guru tidak ingin meletakkan pelajar dalam keadaan yang akan merugikan pelajar. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa kurikulum masih berorientasikan peperiksaan. Dalam pengajaran dan pembelajaran sastera, pelajar jarang diberikan masa untuk meluahkan perasaan dan pendapat terhadap teks sastera. (B1, 82-83; B2, 16; B3, 81-82). Bagi pelajar, masa untuk meluahkan perasaan dan pendapat terhadap teks sastera adalah penting dalam menyelami pengalaman dan perasaan penulis.

Dapatan kajian ini sejajar dengan cadangan Costa (1985). Beliau mencadangkan pelajar perlu diberi peluang membuat keputusan dan menentukan apa yang dipelajari. Pelajar perlu dilatih mengambil peranan dalam menentukan objektif, mewujudkan wacana, menentukan tindakan motivasi, analitik dan inferens yang dinamakan literasi tinggi. (Bereiter & Scardamalia, 1987) Pelajar perlu diberi peluang membaca, menganalisis, mensintesis, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Aktiviti sebegini hanya boleh dilakukan dengan adanya penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Ini bermakna pensyarah harus mengajar berpusatkan pelajar dan melaksanakan pelbagai teknik untuk menarik minat dan mengekalkan

perhatian pelajar. Menanam perasaan ingin membaca dan suka membaca di kalangan pelajar sesungguhnya suatu perjuangan besar dalam zaman global ini, terutamanya apabila terlalu banyak bahan lain yang menggodai pelajar. (Mana Sikana, 2001)

Pelajar didapati tidak dapat memahami teks sastera kerana pelajar tidak membaca terlebih dahulu sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran sastera. Pelajar hanya bergantung semata-mata kepada kuliah pensyarah. Pelajar tidak mempunyai inisiatif untuk membaca teks sastera sebelum pengajaran dan pembelajaran sastera. Implikasi dapatan kajian ini sejajar dengan pendapat Pressley (1998) yang mengemukakan usaha perlu dilakukan untuk memotivasi pelajar membaca sastera. Sikap pelajar perlu dititikberatkan sebelum mendalami motivasi yang ada pada pelajar.

#### (iv) Pengajaran Dan Pembelajaran Sastera Yang Kurang Menarik

Dalam masalah ini, pengkaji mengkaji dari tiga aspek iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggunaan ABM dan kepelbagaian teknik. Ketiga-tiga responden sepakat menyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pensyarah tidak membawa kesan yang baik. (B1, 96; B2, 166-167; B3, 187-188) Terdapat keserasian pendapat yang menyatakan penggunaan OHP adalah seperti “*chalk & talk*”, pelajar tidak terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. (B1, 97-98; B2, 88; B3, 188-189) Responden berpendapat pensyarah perlu mempelbagaikan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran sastera dengan tujuan membantu mereka memahami dengan lebih baik (B1, 156-159; B2, 136; B3, 193) dan membantu pelajar mengingati kembali dengan mudah (B1, 155; B2, 148; B3, 177). Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian “Kajian Kecenderungan Minat Pelatih MPSS Terhadap Gaya-gaya Pengajaran” yang membuktikan bahawa gaya pengajaran berbentuk kuliah tanpa penglibatan pelajar adalah gaya yang paling tidak diminati oleh pelajar. Implikasi ini membuktikan bahawa pensyarah seharusnya mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran sastera dengan tujuan untuk menarik minat dan mengekalkan perhatian pelajar dalam proses pembelajaran. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Sadali yang menggunakan Model “*Role Playing*” untuk memudahkan pelajar mengingat kembali tentang konsep, fakta dan teori.

### 8.3 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Menarik

#### 8.3.1 Kepelbagaian Kaedah Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Pensyarah

Responden B1, B2 dan B3 sepakat agar pensyarah menggunakan kaedah berpusatkan pelajar atau sekurang-kurangnya kaedah berpusatkan pensyarah dan ada penglibatan pelajar yang aktif. (B1, 90-91; B2, 135; B3, 168) Pendapat mereka sejajar dengan pendapat Mana Sikana (2001). Beliau menyeru agar pensyarah menghidupkan teks sastera melalui panca media untuk memupuk minat pelajar membaca teks sastera. Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Noriah (1986), Fazilah (2000) & Azman. Faktor guru dan pendekatan pengajaran guru amat mempengaruhi pencapaian pelajar dari segi kefahaman, peningkatan minat dan perubahan sikap pelajar dalam pembelajaran sastera. Guru seharusnya menggunakan pendekatan pengajaran pemusatkan pelajar agar pelajar dapat menikmati sastera. Dapatan kajian ini membuktikan pernyataan Azman iaitu keberkesanan kaedah kuliah dipertingkatkan dengan menggunakan unsur analogi, perbandingan, ilustrasi dan ABM yang lain, serta diselang seli dengan sesi soal

jawab, perbincangan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran sastera bukan sahaja menarik tetapi mencabar dan berkesan ke arah membina ketrampilan bahasa dan berbahasa, meluaskan pengetahuan, mewujudkan kesedaran tentang perlunya nilai-nilai yang baik. Pemilihan teknik memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran sastera. Pensyarah harus sedar dan peka terhadap objektif pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan sedia ada pada pelajar, minat pelajar dan kemudahan sumber dan kemahiran yang hendak disampaikan semasa memilih strategi pengajaran dan pembelajaran.

Ketiga-tiga responden berharap agar pensyarah mempelbagaikan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Bagi pelajar, teknik-teknik yang digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran sastera masih boleh dipelbagaikan sejajar dengan kepelbagaian kecerdasan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran yang aktif, teknik hubungkait latar belakang teks sastera dalam kehidupan masyarakat dan pengintegrasian muzik adalah merupakan teknik-teknik yang menarik minat dan mengekalkan perhatian pelajar. (B1, 92-93; 128-129, 172-173; B3, 175-176) Dapatkan kajian ini sejajar dengan cadangan Abdul Hamid & Ab. Rahman (2002) yang menyatakan bahawa pensyarah seharusnya mengenalpasti tahap kebolehan dan gaya pembelajaran pelajar, merancang dan memilih teknik dan kaedah sesuai dengan gaya pembelajaran dan kecerdasan pelajar.

Dapatkan kajian ini menyokong dapatkan kajian Patricia & Barbara (1993). Pensyarah harus mengubah persepsi dan bersikap proaktif. Pensyarah perlu mengambil inisiatif untuk berusaha meningkatkan kemahiran dan menghasilkan teknik pengajaran dan pembelajaran berkesan yang mampu menarik minat pelajar terhadap sastera dan memenuhi keperluan sukanan pelajaran sastera. Dengan ini, pensyarah dapat memainkan peranan membentuk pelajar yang berminat dan lebih menumpukan perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera. Kehendak ketigatiga responden dalam pengajaran dan pembelajaran sastera, terutamanya pensyarah mengaplikasikan teknik hubungkait latar belakang teks sastera BCK ke dalam kehidupan masyarakat pada hari ini (B1, 93; B2, 172-173; B3, 175-176) adalah sejajar dengan pendapat Dale (1954) dalam Piramid Pengalaman Pembelajaran yang menggalakkan pembelajaran secara konkret beralih perlahan-lahan kepada pembelajaran secara abstrak dengan tujuan membolehkan pelajar berfikir induktif.

### 8.3.2 Bahasa Yang Digunakan

Responden B1, B2 dan B3 berharap agar pensyarah menggunakan bahasa pertuturan dalam P&P sastera, bukannya bahasa penulisan yang formal. (B1, 95-96; B2, 31; B3, 95-96) Pada hakikatnya, penguasaan bahasa melalui teks sastera merupakan integrasi yang bukan sahaja bertujuan mempertajamkan penguasaan bahasa, bahkan menanam dan mempertingkatkan kemampuan apresiasi sastera. Teks sastera membolehkan pelajar menggunakan bahasa yang indah tetapi padat dengan makna dan memperkayakan kosa kata dan mempelbagaikan bentuk sintaksis. Pendapat ini sejajar dengan pendapat Jeniri (1988) yang menyatakan bahawa bahasa yang digunakan mestilah di dalam lingkungan pemahaman dan pengalaman pelajar. Ini bersesuaian dengan laras bahasa sastera memang memperlihatkan bahasa yang menarik dan kreatif. Bahasa sastera boleh dalam bentuk naratif, deskriptif, preskriptif, dramatic dan puitis. Antara ciri-ciri bahasa sastera ialah (a) kreatif dan imaginatif dengan mesej yang kabur; (b) mementingkan penyusunan, pengulangan dan pemilihan kata; (c) puitis dan hidup, monolog, dialog dan bunga-bunga bahasa; (d) menggunakan bahas tersirat iaitu perlambangan, kiasan,

perbandingan, peribahasa, metafora, simile, personifikasi dan ilusi; dan (e) terdapat penyimpangan tatabahasa atau manipulasi bahasa.

### 8.3.3 Penggunaan Alat Bantu Mengajar

Bagi ketiga-tiga responden, penggunaan ABM adalah penting dalam mengekalkan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. (B1, 145-148, 156-159; B2, 144-151; B3, 197-202) Penggunaan televisyen, radio, LCD, VCD, video tape, gambar berwarna-warni, komik dan cerita jenaka memberi kesan yang baik dalam mempelajari sastera. Penggunaan ABM seharusnya dipelbagaikan sejajar dengan perkembangan zaman teknologi maklumat pada hari ini.

Teks sastera boleh ditransformasikan kepada bentuk-bentuk yang lain, terutamanya pada zaman panca media. Semua teks sastera mempunyai ruang untuk ditransformasikan ke dimensi wahana lain, sehingga pelajar tidak merasa pengajaran dan pembelajaran sastera itu dipaksakan. Biasanya pelajar suka kepada media elektronik baru, seiring dengan makna kemajuan. Pengajaran dan pembelajaran sastera berbantukan teknologi maklumat yang canggih, memang kelihatan seperti ada inovasi, ini akan membuka selera baru dan memberangsangkan minda pelajar. Melalui transformasi, pensyarah tidak lagi dilihat sebagai tenaga pengajaran yang ortodoks, tetapi akan terus berinteraksi dengan pelajar melalui pelbagai wahana itu. Kepelbagaian teknik dan ABM menjadikan pengajaran dan pembelajaran sastera “hidup”. Kehadiran pelbagai siber ada kaitannya dengan dunia globalisasi dan pascamoden. Ini bermaksud pelajar mempunyai pelbagai kegemaran dan pemeringkatan dari segi kecerdasan seperti yang dikemukakan oleh Gardner. Pensyarah seharusnya akur kepada Model Kepelbagaian Kecerdasan Gardner, bertindak proaktif dan kreatif, pengajaran dan pembelajaran sastera akan menjadi lebih hidup dan menarik, justeru kehidupan pelajar itu sendiri adalah drama.

### 8.3.4 Pengajaran Dan Pembelajaran Interaktif

Ketiga-tiga responden mencadangkan agar pengajaran dan pembelajaran sastera yang interaktif diaplikasi dalam kelas. (B1, 145-148; B2, 136-139; B3, 152-156) Cadangan ini bertepatan dengan pengasas pembelajaran interaktif oleh Brown, Campione, Reeve, Ferrara & Palincsar (1991). Cadangan ini sejajar dengan pendapat Vygostkian (1978) yang menegaskan bahawa proses interaktif adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendapat ini juga disokong oleh Chickering & Gamson (1987) yang mencadangkan agar pelajar terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran termasuklah membaca, menulis, membincang dan menyelesaikan masalah. Pengajaran dan pembelajaran interaktif merupakan faktor pendorong kepada pelajar dalam pembelajaran sastera. Cadangan ini juga menyokong dapatan kajian Mohd.Nasir (2002) yang membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran interaktif membolehkan pelajar menikmati sastera dengan baik malah memupuk minat pelajar dalam pembelajaran sastera. Kesan positif ini akan membantu pelajar membentuk personaliti, mengasuh kefahaman pemikiran, menghalusi nilai keindahan. (Gurrey 1955, Knapton & Evans 1967, Cherrier, 1976, Azman 1980 & Khahilah 1985)

Pengajaran dan pembelajaran interaktif membolehkan pelajar belajar secara pembelajaran konkret yang berasaskan pengalaman, beralih kepada pembelajaran berasaskan abstrak, seperti

yang dicadangkan oleh Dale (1954). Pelajar dapat membentuk pembelajaran sastera yang lebih bermakna dan mudah mengingati kembali pembelajaran yang lalu. Pembelajaran sebegini membantu mempermudahkan pengajaran dan pembelajaran sastera bukan sahaja kepada pensyarah malah kepada pelajar. Pengajaran dan pembelajaran interaktif dapat menghilangkan perasaan fobia dan mempertingkatkan motivasi intrinsik yang ada pada diri pelajar.

#### 9. Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pensyarah sastera. Dapatan kajian ini menunjukkan pensyarah sastera perlu didedahkan pengetahuan tentang persepsi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Pensyarah sastera seharusnya sedar akan kehendak dan keperluan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran sastera pada alaf baru. Pensyarah sastera boleh mengambil tindakan untuk mempertingkatkan profesionalisme perguruan. Dari aspek pedagogi, pensyarah dapat membantu pelajar menanam minat dan mengekalkan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran sastera melalui kepelbagaiannya kaedah, teknik, strategi dan ABM. Pelajar dapat memanfaatkan sastera kepada murid pada masa depan kelak. Ini merupakan petanda yang positif dalam pembentukan personaliti murid. Sastera membentuk personaliti, mengasuh kefahaman pemikiran, menghalusi nilai keindahan dan juga merupakan pengantara yang penting dalam proses bagi kanak-kanak menguasai dan memperoleh nilai-nilai hidup bagi menyesuaikan diri dalam kehidupan bertamadun.

Pelajar atau lebih dikenali sebagai bakal guru harus diberi pendedahan sastera kanak-kanak supaya sastera boleh diaplikasi di sekolah, terutamanya berhadapan dengan murid sekolah rendah. Ini bersesuaian dengan falsafah pendidikan negara yang menegaskan pencapaian keseimbangan antara perkembangan aspek jasmani, rohani, emosi, intelek dan sosial. Sastera kanak-kanak yang mengandungi pemilihan dan penyusunan kata-kata yang teliti serta penggunaan bahasa kiasan dan perbandingan yang tepat, yang dapat menimbulkan kesan kehalusan, keindahan, kemuliaan dan kesempurnaan kepada murid.

Kajian ini merupakan sebuah cermin kepada pelajar PC KDPM. Pelajar seharusnya sedar akan pandangan negatif terhadap sastera dalam sukanan pelajaran. Pelajar perlu membuka minda dan menerima semula definisi sastera dalam kehidupan. Sastera kreatif dan cenderung untuk membolehkan pelajar menyatakan diri sendiri secara total berdasarkan teks sastera. Pernyataan bebas, spontan dan bersahaja akan memberikan pengalaman kepada pelajar mengingati teks sastera dan memperkayakan bahasa. Sastera mempunyai sifat improvisasi, dan ini boleh memperkayakan hidup pelajar.

Kajian ini dijadikan garis panduan kepada perancang kurikulum di Kementerian Pelajaran. Para perancang kurikulum boleh menyediakan modul, ABM atau alat bantu belajar yang bersesuaian dengan keupayaan pelajar. Tambahan pula, kemajuan TMK mewujudkan persekitaran baru yang lebih fleksibel dari segi masa, tempat, kaedah dan bahan pembelajaran. Pelajar bukan sahaja menjadi pekerja ilmu (*knowledge workers*) dan cerdik TMK, tetapi juga berdikari dan berani menghadapi sebarang cabaran dalam dunia era informasi lagi panca media.

Pengajaran dan pembelajaran pemasatan pelajar seharusnya dipraktikkan oleh pensyarah. Komunikasi dan interaksi dua hala antara pensyarah dan pelajar merupakan hasrat pelajar dalam

pengajaran dan pembelajaran sastera. Pensyarah sebagai pembimbing secara demokratik melalui pelbagai teknik dan aktiviti. Pelajar digalakkan meluahkan pendapat dan perasaan semasa pengajaran dan pembelajaran sastera. Dengan ini, pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pencapaian objektif pembelajaran pelajar. Perkembangan pelajar adalah secara menyeluruh dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Penyampaian pengetahuan bertumpukan kepada pengajaran yang bermakna supaya pelajar memahami fakta-fakta yang disampaikan dan pelajar berupaya membuat kesimpulan. Wujudnya interaksi di kalangan pelajar dan sifat-sifat yang positif seperti bantu-membantu, bekerjasama, bertolak ansur adalah jelas dapat dipupuk.

#### 10. Kajian Masa Depan

Cadangan penyelidikan merangkumi kajian secara kajian kes yang mendalam mengenai tinjauan minat pelajar atau motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran sastera serta faktor-faktor yang mempengaruhi minat dan motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Ini bertujuan untuk mendalami lebih tepat perasaan dan persepsi pelajar dan membolehkan tindakan penyelesaian masalah dibuat bagi mencapai objektif pembelajaran pelajar.

Kajian yang serupa boleh dijalankan dengan berfokuskan masalah-masalah pembelajaran sastera yang dihadapi oleh pelajar. Ini bertujuan untuk meninjau secara mendalam dan mendapatkan gambaran sebenar dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sastera.

Kajian boleh dilanjutkan kepada peranan ABM ke atas pengajaran dan pembelajaran sastera bagi tujuan meninjau keberkesanannya penggunaan ABM dalam pengajaran dan pembelajaran sastera, terutamanya dengan adanya Sistem Pembelajaran Interaktif (SIBER). SIBER adalah satu Sistem Pengurusan Pembelajaran yang disediakan dalam projek Sekolahku.Net. Ia digunakan untuk membantu dan melicinkan lagi tugas guru dan pelajar. Dari perspektif pendidikan, SIBER dilihat mampu mengubah cara pemikiran guru dan pelajar seiring dengan perkembangan teknologi maklumat di negara ini.

Kajian boleh dilakukan ke atas keberkesanannya kepelbagaiannya teknik pengajaran dan pembelajaran sastera oleh pensyarah dan langkah-langkah memantapkan pengajaran dan pembelajaran sastera yang menarik dengan tujuan untuk peningkatan profesionalisme perguruan dan pensyarah.

Kajian ini juga diharapkan berupaya menjadi pencetus ilham kepada diri pengkaji dan warga pendidik untuk mengemaskini kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran sastera.

#### Bibliografi

A.S. Hornby. (2000). *Oxford Advanced Learner's: English-Malay Dictionary*.

Abdul Hamid Mahmood & Ab. Rahman Ab. Rashid. Teknik pengajaran sastera dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa Jun 2002*.

Ahmad Kamal Abdullah. Kesusteraan: Nadi dan roh sesuatu bangsa. *Dewan Sastera, Mei 2004*.

- Ahmad Sapiai @ Shazali bin Shafie. (1987). *Hubungan sifat guru pelatih dan keadaan persekitaran bilik darjah dengan tingkah laku murid*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Awang Had Salleh. (1989). Sastera Dalam Pendidikan. Seminar Sastera Dalam Pendidikan. *Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Awang Had Salleh. (1985). *Pendidikan dalam pemikiran Awang Had Salleh*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Azizah Hamzah. (1993). *Kesan dua kaedah pengajaran Bahasa Melayu menggunakan bahan sastera terhadap pelajar Tingkatan 2 di sekolah menengah kebangsaan, Kuala Lumpur*. Tesis M.Ed. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Azman Wan Chik. (1986). Bahasa kebangsaan dalam pendidikan. *Dewan Bahasa* 30 (1).
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Beishline, M. J. & Holmes, C.B. (1997). Students preferences for various teaching styles. *Journal of Instructional Psychology*. 24:95-99.
- Broadfoot, P. (1986). Profiling and the affective curriculum. *Journal of Curriculum Studies*. 19(1):25-34
- Bruner, J. (1966). *Towards a Theory of Instruction*. Cambridge, M.A.: Harvard University Press.
- Borg, W.R. & Gall, M.D. (1989). *Educational research*. New York. Longman.
- Brumfit, C.J. & Carter R.A. (1991). *Literature and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Caroline Ryan, K. (1994). *Improving the reading comprehension skills of unmotivated Fifth Grade students through literature-based instruction*. ERIC ED 369074
- Charles, M. (1985). *Building classroom discipline*. (2<sup>nd</sup> Ed.). New York: Longman.
- Cherrier, R. (1976). *Reading literature and for literature*. Dalam buku Anthony, Edward & Richards, J. (ed.). *Reading insights & approaches*. Singapore: Singapore University Press for RELC.
- Cohen, D. (1968). The effect of literature on vocabulary and reading achievement. *Elementary English*, V.45.
- Cohen, E.B. (1972). *Parental factors in educational mobility*. Dalam Craft, M. (ed). *Family, class & education*. London: Longman.
- Cole, J.E. (2003). What motivates students to read? Four literacy personalities. *The Reading Teacher*. 56 (4): 326-336
- Dale. E. (1954). *Audio-visual method in teaching*. New York: Dryden.
- Deborah, Z. & Linda, W. (2003). *Motivating student reading through read-alouds and home-school independent reading*. ERIC ED 473055
- Dori, W. & Kane, R.S. (1997). *Motivating students to read*. ERIC ED 409535
- Dudley de Souza. (1980). The role of literature in the secondary school. Singapore *Journal of Education*.
- Dweck, C.S. (1975). The role of expectations and attributions in the alleviation of learned helplessness. *Journal of Personality and Social Psychology*. 31(4). 674-685
- Elliot, R. (1990). Encouraging reader-response to literature in ESL Situations in ELT. *Journal OUP*. 44 (3).
- Farris, PJ. & Parke, J. (1993). To be or not to be: What students think about drama. *Clearing-house*. 66(4):231-234.

- Field, T., Lang, C., Yando, R. & Bendell, D. (1995). Adolescents' intimacy with parents and friends. *Adolescence*. 30: 133-140.
- Fowler, M.E. (1985). *Teaching language, composition and literature*. New York: McGraw-Hill Book Co.
- Glenn, M.B., Stewart, J.R. & Simpson, R.H. (1991). Penterjemah Noran Fauziah Yaakub. *Psikologi Pendidikan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Googenow, C. (1993). The psychological sense of school membership among adolescents: Scale development and educational correlates. *Psychology In TheSchools*. 30: 79-90.
- Grinder, M. (1991). *Riding the information conveyor belt*. Portland: Metamorphus Press.
- Gurrey, P. (1955). *Teaching English as a foreign language*. London: Longmans, Green & Co.
- Guyton, E. & McIntyre, J.D. (1990). *Student teaching and field experiences*. Dalam Houston, W.R. (Ed.) *Handbook of research on teacher education*. New York: MacMillan.
- Harris, L.A. & Smith, C.B. (1976). *Reading instruction, diagnostic teaching in theclassroom*. USA: Holt, Rinehart and Wiston.
- Hashim Awang. (1989). *Bahan pendidikan sastera*. Seminar Sastera Dalam Pendidikan Hashim Awang. (1985). *Pengajaran kesusasteraan di sekolah menengah atas: Kaedah apresiasi sastera*. Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Dan Sastera Dalam Pendidikan Di Malaysia. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Hashim Awang. (1982). Permasalahan bahan dan sukanan pelajaran. *Dewan Sastera*. XII(7).
- Hill, J. (1986). *Teaching literature in language classroom*. USA: MacMillian Publishers Ltd.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. (1983). *Sastera dalam KBSM*. Dalam Memorandum KPPK: Kearah kurikulum yang berimbang, fleksibel dan membina keyakinan diri pelajar. Kuala Lumpur.
- Ina Sue, H. (1994). *Improve the reading motivation of Third-Grade children with extratime, encouragement and choice*. ERIC ED 369039
- Jeniri Amir. (1988). Strategi penggunaan bahan sastera-Bahasa Melayu KBSM. *DewanBahasa*. 24(11): 831-839.
- Johnette, G.C. (1994). *Motivating First-Grade students to read independently for pleasure through a whole language problem*. ERIC ED 384857
- Juriah Long. (1975). *Masalah pencapaian murid-murid Bukan Melayu dalam peperiksaan Bahasa Melayu di peringkat M.C.E.: satu analisa*. Disertasi M.Ed. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya. Fakulti Pendidikan.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1998). *Kaedah pengajaran kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj Husin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1986). *Panduan Latihan Mengajar*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kathy, F. (1994). *Developing and implementing a plan involving parents to improve thereading interests of middle school students*. ERIC ED 381754
- Khatijah A. Hamid. (1980). *Kesusasteraan Melayu dalam kurikulum sekolah*. Kertas kerja dalam Bengkel Pengajaran Sastera di Universiti Malaya.

- Khalilah Fadzilah Amir. (1985). *Literasi kesusasteraan dalam KBSM*. Dalam Memorandum KPPK: Ke arah kurikulum yang berimbang, fleksibel dan membina keyakinan diri pelajar. Kuala Lumpur.
- Knpton, J. & Evans, B. (1967). *Teaching a literature centred English program*. New York: Random House Inc.
- Lampert, M. (1986). Knowing, doing, and teaching multiplication. *Cognition and Instruction*. 3(4): 305-342
- Larry, R.J. (1995). *Winning hearts and minds with the literature of the Vietnam war*. ERIC ED 390064
- Lynda, M. & Suzanne, G. (1996). *Advancing reading motivation and personal responsibility for learning*. ERIC ED 4066661
- Mary, A. Laura, M. & Melissa, A. (2002). *Keeping expectations high while helping lower-achieving students meet them*. ERIC ED 477852
- Md. Salleh Yaapar. Penggunaan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing. *Dewan Bahasa Okt 2002*.
- Mok Soon Sang. (2000). *Ilmu pendidikan untuk Kursus Pendidikan Lepas Ijazah*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Moody, H.L.B. (1971). *The teaching of literature*. London: Longman.
- Morrow, L. (1982). Relationships between literature programs, library corner designs and children's use of literature. *The Journal of Education Research*. 5(g).
- Mohd. Fauzi Bin Mohd. Kassim. (2000). *Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922)S.T.P.M. 1992-1997: Satu penilaian*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Mohd. Taib Osman. (1977). *Pengajaran bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur.
- Murdock, T.B. (1999). The social context of risk: Predictors of alienation in middle school. *Journal of educational psychology*. 91: 62-75.
- Murdock, T.B. & Miller, A., (2002). Teachers as sources of middle school students' motivational identity: Variable-centered and person-centered analytic approaches. *The Elementary School Journal*. 103(4).
- Murphy, H. & Roopchand, N. (2003). Intrinsic motivation and self-esteem in traditional and mature students at a post -1992 University in the Northeast of England. *Educational Studies*. 23(2/3).
- Murphy, P.K., Delli, L.A.M. & Edwards, M.N. (2004). The good teacher and good teaching: Comparing beliefs of second-grade students, preservice teachers and inservice teachers. *The Journal of Experimental Education*. 72(2): 69-92.
- Nadzeri Hj. Isa. (1997). Bahan pengajaran bahasa: Persoalan tentang kesesuaian, ketepatan dan keberkesanannya sebagai fokus utama dalam pengajaran. *Jurnal Bahasa*. 41(1). Jan 1997.
- New Century. (1997). *Chinese-English Dictionary*.
- Noriah Bakar. (1986). *Kesan pendekatan mengalami dan menghayati terhadap pembelajaran sajak Tingkatan 6 di sekolah menengah*. Tesis M.Ed. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Omardin Ashaari. (1999). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Patricia, J.C. & Barbara, A.Q. (1993). *The study of literature in a Fifth-Grade classroom: One teacher's perspective*. ERIC ED 354525
- Pratton, J. & Hales, L.W. (1986). The effects of active participation on student learning. *Journal of Educational Research*. 79(4): 210-215.
- Pressley, M. (1998) *Reading instruction that works: The case of balanced teaching*. New York: The Guilford Press.
- Prettyman, E.P. (1996). *Two methods of teaching English literature and students attitudes towards these methods*. Dissertation abstracts, xxvi.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1998). *Sukatan pelajaran Kesusastraan Cina*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Quandt, I.J. (1983). *Language arts for the child*. Eaglwood Cliffs: Prentice Hall Inc.
- Rajendran, N.S. (2000). *Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikiraras tinggi*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000. 3-4 Okt 2000. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru.
- Ruhl, K.L., Hughes, C.A. & Schloss, P.J. (1987). Using the pause procedure to enhance lecture recall. *Teacher Education and Special Education*. 10: 14-18.
- Saedah Siraj. (1991). *Penggunaan bahan sastera dalam pendidikan bahasa*. Seminar Bahasa Dan Sastera Dalam Pendidikan Ke-VII. 20-22 Mei 1991.
- Safiah Osman. (1978). *Masalah pendidikan guru sastera Malaysia*. Dalam Seminar Bahasa, Sastera Dan Kebudayaan Kebangsaan Dalam Pendidikan Malaysia. Universiti Malaya.
- Safiah Osman. (1979). *Pembinaan minat membaca satu langkah merentasi krisispendidikan*. Dalam Symposium On The Child In Rapdly Changing World. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Schroeder, C. (1993). New students-New learning styles. *Change*. September-October 1993: 21-26
- Sharma, J.R. (1977). *A study of parental involvement and its effect on pupil performance in a secondary school*. Unpublished M.Ed. Practicum Report. Universiti Malaya.
- Silberman, M. (1996). *Active learning: 101 strategies to teach any subject*. Allyn & Bacon
- Silverman, D. (2001). *Interpreting Qualitative Data*. (2<sup>nd</sup>.Ed.) SAGE Publications.
- Smith, M.D. (1975). *Educational psychology and its classroom applications*. Boston, M.A.: Allyn & Bacon.
- Sue Teele. (2000). *Rainbows of intelligence: Exploring how students learn*. Corwin Press, Inc., California.
- Suradi Salim. (1989). Meningkatkan keberkesanan kuliah. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Susan, R.R. & Ellen, R. (1995). *Teaching values through children's literature*. ERIC ED 390075
- Torkil, C. (1994). *Large classes and their influence on language teaching*. ERIC ED 375633
- Vygotsky, L. (1978) *Mind in society*. Boston: Harvard University Press.
- Wheatley, G.H. (1992). The role of reflection in Mathematics learning. *EducationalStudies in Mathematics*. 23: 529-531.
- Whitehead, R. (1968). *Children's literature: Strategies of teaching*. New Jersey: Prentice-Hall.

Williams, D. (1981). Factors related to performance in reading English as a second language. *Language Learning*. 31(1): 31-50.

Wilkins, D.A. (1981). *Second language learning and teaching*. Great Britain: The English Language Book Society and Edward Arnold Ltd.

Yin, R. (1984). *A case study research: Design and methodology*. (2<sup>nd</sup> Edition). Newbury Park: EA Sage.

#### Rujukan Dari Laman Web

Teori pembelajaran dalam reka bentuk perisian PPBK

Available on-line : <http://ppbkmohd.tripod.com/TUGASAN4.htm> 23/8/2004

Pengertian istilah aspek sastera dalam KOMSAS.

Available on-line : <http://www.pergh.com/artikel/index.php?print/id:68> 24/8/2004

Interactive learning.

Available on-line : <http://mathforum.org/~sarah/Discussion.Sessions/Brown.html> 17/8/2004

Abd.WAhab bin Mat. (1995). Hubungan minat membaca di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama Prai dengan latar belakang keluar dan persekitaran.

Available on-line : [http://aisig.uum.edu.my/research/e-thesis/sc\\_sosial.cfm](http://aisig.uum.edu.my/research/e-thesis/sc_sosial.cfm) 23//8/2004

Ong Seng Choo & Maizan Md.Noor. Program kajian tindakan ke arah menarik minat belajar Bahasa Inggeris melalui Modul “Motivator In Teaching”.

Available on-line : <http://www2.moe.my/~bppdp/penyelidikan/kt37.htm> 23//8/2004

Sharmini Gnanaguru. Enhancing student literacy: Engaging the reader in young adult literature.

Available on-line : <http://2003.learningconference.com/Other-Conference/LearningCon.../papersworkshops.html> 23/8/2004

Zuraidah Ali, Melor Md. Yunus & Fazilah Idris. Enhancing productive skills in ESL learners through collaborative approach.

Available on-line : <http://2003.learningconference.com/Other-Conference/LearningCon.../papersworkshops.html> 23/8/2004

Shaffe Mohd. Daud, Md. Noor Saleh & Yusup Hashim. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui sidang video: Kajian kes USM videot

Available on-line : [http://www.usm.my/journal/jpjim/bm/j1b1/abstrak/abs5\\_smd.html](http://www.usm.my/journal/jpjim/bm/j1b1/abstrak/abs5_smd.html)  
12//8/2004

Masyarakat dan budaya tamadun Cina.

Available on-line : [http://eco1.upm.edu.my/~amin/tamadun\\_asia/nota\\_kuliah/kuliah8.htm](http://eco1.upm.edu.my/~amin/tamadun_asia/nota_kuliah/kuliah8.htm)  
6/7/2004

Ruhl, K.L., Hughes, C.A. & Schloss, P.J. (1987) Using the pause procedure to enhance lecture recall.

Available on-line : <http://www.active-learning-site.com/sum1.htm> 12/8/2004

Active learning: Creating excitement in the classroom.

Available on-line : <http://www.ntlf.com/html/lib/bib/91-9dig.htm> 12/8/2004

Chickering,A.W. & Zelda, F.G., (1987). Seven principles for school practice. Dalam Active learning: Creating excitement in the classroom.

Available on-line : <http://www.ntlf.com/html/lib/bib/91-9dig.htm> 12/8/2004

Amiruddin Md. Hanafiah. Teori Kebolehbacaan dalam pemilihan teks.

Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster99/ds12reak.htm> 30/8/2004

Kamarudin Hj.Husin, (1994). KBSM dan strategi pengajaran bahasa. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Dalam Amiruddin Md. Hanafiah. Teori Kebolehbacaan dalam pemilihan teks.

Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster99/ds12reak.htm> 30/8/2004

Khadijah Rohani Mohd. Yunuos, (1982). Formula kebolehbacaan: Satu cara objektif untuk menentukan tahap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan. Kertas kerja Seminar Perguruan: Pengukuran dan penilaian dalam pendidikan bahasa, Universiti Malaya & Dewan Bahasa Dan Pustaka. Dalam Amiruddin Md. Hanafiah. Teori Kebolehbacaan dalam pemilihan teks.

Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster99/ds12reak.htm> 30/8/2004

Marohaini Yusoff, (1999). Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Dalam Amiruddin Md. Hanafiah. Teori Kebolehbacaan dalam pemilihan teks.

Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster99/ds12reak.htm> 30/8/2004

Computer Technology Corporation. Multimedia Technology.

Available on-line : <http://ppbkmohd.tripod.com/TUGASAN4.htm> 23/8/2004

Brown, A.L., Campione, J.C., Reeve, R.A., Ferrara, R.A. & Palincsar, A.S.(1991). Interactive learning and individual understanding: The case of reading and mathematics. Dalam Landsmann, L.J. (Ed.). Culture, schooling and psychological development. Norwood, N.J.: Abex Publishing Co.

Available on-line : <http://mathforum.org/~sarah/Discussion.sessions/Brown.html> 17/8/2004

Sadali. Pengaruh penerapan model pembelajaran Role Playing terhadap aktifitas guru dan hasil pembelajaran dalam mata pelajaran pendidikan IPS di sekolah dasar.

Available on-line : <http://202.159.18.43/jp/21sadali.htm> 10/8/2004

Sekolah perlu cari kaedah baru ajar sastera dalam bilik darjah.

Available on-line : <http://www.cikgu.netmy/malay/berita/moreberita.php3?id=331> 24/8/2004

Salmiah bt Sidek. Kemahiran belajar secara kooperatif bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Pengajian Am1 (Kenegaraan Malaysia)

Available on-line : <http://www2.moe.gov.my/~bppdp/penyelidikan/kt101.htm> 26/8/2004

Bagaimana menggunakan muzik dan pujian menjadi alat bantu mengajar.  
 Available on-line : <http://www.sabda.org/pepak/pustaka/010148> 26/8/2004

Pemanfaatan multimedia komputer  
 Available on-line : <http://www1.bpkpenabur.or.id/kps-jkt/tkk3/manfaat.htm> 26/8/2004

Manu Sikana. Bahasa dalam drama: Pengajaran drama sebagai peneguhan Bahasa Melayu  
 Available on-line : <http://dbp.my/dbp98/majalah/bahasa21/sept/j09bah9.html> 29/8/2004

Kabinet arah kempen membaca secara bersepada  
 Available on-line : <http://www.cikgu.net.my/malay/berita/moreberita.php3?id=748> 30/8/2004

Matthew, D.Z., (2003). A descriptive study of how humor in literature serves to engage children in their reading.  
 Available on-line : [http://www.ohio\\_link.edu/etd/view.cgi?osu1049147319](http://www.ohio_link.edu/etd/view.cgi?osu1049147319) 12/7/2004

Wigfield, A. & Guthrie, J.. Dimensions of children's motivations for reading: An initial study.  
 Available on-line : [http://curry.edschoool.virginia.edu/go/clic/nrrc/mrq\\_r34.html](http://curry.edschoool.virginia.edu/go/clic/nrrc/mrq_r34.html) 13/7/2004

Norhasniza Mohd. Sani. Kenapa pelajar kurang meminati sastera?  
 Available on-line : <http://dbp.gov.my/majalah/tc11pen3.html> 6/7/2004

Rozninah Abd. Azib. Komersialisasi sastera.  
 Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster21/apr/ds04de.html> 6/7/2004

Fauziah binti Ahmad. Pemelajaran bahasa melalui sastera: Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.  
 Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa99/j11lajar.htm> 30/6/2004

Sohaimi Abdul Aziz. Kerelevanan dan nilai ekonomi sastera.  
 Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster21/apr/ds04de.html> 30/6/2004

Norizan Abdul Razak. Komunikasi di alam siber: Paradigma baru pengajaran Bahasa Melayu.  
 Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster20/okt/j10ajar.html> 17/8/2004

Fazilah Idris. Internet dan belajar berkumpulan: Kaedah berkesan membantu pelajar mengendalikan dan menyediakan projek Bahasa Inggeris.  
 Available on-line : <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/saster20/mac/j03ajar.htm> 17/8/2004

Azman bin Kanil @ Konil. Keberkesanan kaedah kuliah dalam pengajaran dan pembelajaran.  
 Available on-line : <http://www.sabah.net.my/gordie/mpks/jurnal.htm> 29/8/2004

Wan Hashim Wan The. Pendidikan sastera di sekolah.  
<http://www.cikgu.net.my/malay/berita/moreberita.php3?id=2> 24/8/2004